

# Pengalaman Membaca al-Quran dalam Komuniti Orang Kurang Upaya Penglihatan: Tinjauan Kualitatif (Experiences of Reading the Quran among Persons with Visual Impairments: A Qualitative Exploration)

Raihan binti Ahmad

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor

Wan Fakhurulrazi bin Wan Mohamad

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor

Abu Zaki bin Ismail

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor

## Abstrak

Kajian ini meneliti pengalaman membaca al-Quran dalam komuniti Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan dengan memberi tumpuan kepada dimensi amalan rohani dan strategi adaptif yang digunakan bagi mengekalkan kesinambungan bacaan. Walaupun mushaf Braille telah lama diperkenalkan di Malaysia, tahap penguasaannya masih rendah, menyebabkan sebahagian besar OKU penglihatan bergantung kepada hafalan, rakaman audio, dan teknologi bantu seperti peranti digital dan MP3. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif melalui temu bual separa berstruktur bersama lima penghuni Rumah Bakti Kulim yang berstatus OKU penglihatan. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik bagi mengenal pasti corak dan makna yang mendasari pengalaman mereka. Dapatan menunjukkan tiga tema utama: (i) penggunaan hafalan dan audio sebagai strategi utama bacaan, (ii) kecenderungan membaca surah pilihan seperti al-Mulk, Yasin, dan al-Sajdah atas faktor hafalan dan makna spiritual, dan (iii) amalan rutin membaca dua kali sehari selepas solat Subuh dan Maghrib sebagai bentuk disiplin rohani. Kajian ini menegaskan keperluan pendekatan pendidikan al-Quran yang lebih inklusif dengan menggabungkan latihan Braille, penggunaan teknologi bantu, dan penglibatan komuniti bagi memperkukuh literasi serta kesejahteraan rohani OKU penglihatan.

**Kata kunci:** Al-Quran Braille; Orang Kurang Upaya (OKU) Penglihatan; Daya Tahan Spiritual; Pemerkasaan Spiritual; Makna Kehidupan; Literasi al-Quran Inklusif.

## Abstract

This study explores the experiences of Qur'anic reading among individuals with visual impairments, focusing on their spiritual practices and adaptive strategies in sustaining consistent engagement with the Qur'an. Although the Braille Qur'an has been introduced in Malaysia for decades, its mastery remains limited, leading most visually impaired individuals to rely on memorisation, audio recordings, and assistive technologies such as digital devices and MP3 players. Employing a descriptive qualitative approach, semi-structured interviews were conducted with five visually impaired residents of Rumah Bakti Kulim. Thematic analysis was utilised to identify emerging patterns and underlying meanings. The findings revealed three dominant themes: (i) the use of memorisation and audio as primary reading strategies, (ii) the selective recitation of specific surahs such as *al-Mulk*, *Yasin*, and *al-Sajdah* based on memorisation ease and spiritual value, and (iii) consistent reading routines twice daily after the dawn (*Subuh*) and sunset (*Maghrib*) prayers as a form of spiritual discipline. The study underscores the importance of developing an inclusive Qur'anic education framework that integrates Braille literacy training, assistive technology, and community involvement to strengthen both Qur'anic literacy and spiritual well-being among the visually impaired.

**Keywords:** Braille Qur'an, Visually Impaired, Spiritual Resilience, Spiritual Empowerment, Meaning in Life, Inclusive Qur'anic Literacy

Article Progress

Received: 18 December 2025

Revised: 01 January 2026

Accepted: 17 January 2026

## 1. PENGENALAN

Al-Quran merupakan kitab suci yang menjadi sumber utama panduan hidup umat Islam. Ia bukan sahaja dibaca sebagai amal ibadah, malah berperanan sebagai wahana pembentukan spiritual, moral dan sosial. Amalan membaca al-Quran secara konsisten dikaitkan dengan kesejahteraan rohani, kestabilan emosi serta pengukuhan hubungan antara manusia dan Pencipta. Oleh itu, keupayaan membaca al-Quran dianggap sebagai asas penting dalam pembentukan identiti seorang Muslim.

Namun demikian, bagi komuniti Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan, amalan membaca al-Quran melibatkan cabaran yang lebih kompleks. Keterbatasan deria penglihatan memerlukan penggunaan kaedah alternatif seperti mushaf Braille, hafalan serta teknologi bantu. Walaupun mushaf Braille telah diperkenalkan di Malaysia sejak tahun 1990-an (Mustaffa, 2010; Roshaida, 2003), tahap penguasaannya dalam komuniti OKU penglihatan di Malaysia masih sangat terhad sekali gus mempengaruhi cara mereka berinteraksi dengan al-Quran.

## 2. SOROTAN LITERATUR

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa pelajar OKU penglihatan menghadapi cabaran ketara dalam penguasaan bacaan al-Quran, khususnya dari aspek hukum tajwid dan keluasan penguasaan surah. Dapatan kajian oleh Hajarul et al. (2012) mendapati kelemahan dalam penguasaan tajwid menjadi kekangan utama, manakala kajian Noornajihan dan Nur Atiqah (2018) menunjukkan bahawa pelajar cenderung kepada membaca surah-surah pendek yang dihafal sejak kecil. Dapatan ini mencadangkan bahawa isu literasi al-Quran dalam komuniti OKU penglihatan bukan sekadar bersifat teknikal, tetapi turut berkait dengan keterbatasan pendedahan dan sistem latihan yang tidak menyeluruh.

Dalam konteks ini, penyelidikan semasa mula menumpukan kepada intervensi melalui inovasi pedagogi dan teknologi. Hasil kajian Roslaili et al. (2025) menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran Braille menggunakan sistem pengenalan huruf A–Z berupaya meningkatkan kefahaman dan keyakinan pelajar. Namun, kajian tersebut lebih tertumpu kepada konteks bilik darjah dan belum menilai keberkesanan dalam amalan bacaan sebenar. Hal ini menunjukkan bahawa inovasi pedagogi berpotensi meningkatkan pencapaian, tetapi keberkesanannya masih bergantung kepada kesinambungan latihan dan sokongan persekitaran.

Selain itu, perkembangan teknologi membuka ruang baharu dalam memperluas akses kepada pembelajaran al-Quran. Kajian Ali et al. (2021) serta Khan dan Alam (2019) menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi berasaskan audio dan pembaca skrin dapat membantu pelajar OKU penglihatan mengikuti bacaan dengan lebih efektif. Walau bagaimanapun, pendekatan ini lebih menekankan aspek aksesibiliti berbanding penghayatan. Sebaliknya, Al-Fadhli (2020) menekankan kepentingan integrasi antara teknologi dan kaedah tradisional seperti talaqqi bagi memastikan ketepatan bacaan dan kesinambungan sanad.

Dalam konteks Malaysia, kajian Moktar dan Sharif (2021) menekankan kepentingan mengekalkan kaedah talaqqi musyafahah serta mencadangkan integrasi dengan medium digital. Namun demikian, cabaran struktur masih menjadi isu utama. Dapatan kajian Azmi et al. (2024) mendapati bahawa kekurangan tenaga pengajar terlatih, infrastruktur pembelajaran yang terhad serta tahap kesedaran masyarakat yang rendah terus mengekang usaha memperkukuh pengajian al-Quran Braille.

Secara keseluruhannya, sorotan literatur menunjukkan bahawa kajian sedia ada lebih tertumpu kepada aspek pedagogi dan teknologi dengan penekanan kepada peningkatan kemahiran serta akses pembelajaran. Walau bagaimanapun, pemahaman terhadap dimensi pengalaman harian dan makna rohani dalam amalan membaca al-Quran dalam komuniti OKU penglihatan masih terhad, khususnya dalam konteks Malaysia.

Aspek seperti kaedah bacaan sebenar, pemilihan surah, kekerapan, waktu amalan serta strategi ketahanan diri (*resilience*) masih kurang diterokai secara mendalam. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengisi jurang tersebut dengan meneliti pengalaman autentik OKU penglihatan dalam membaca al-Quran serta memahami strategi adaptif dan makna spiritual yang mendasari amalan tersebut.

### 3. KERANGKA KONSEPTUAL

Bagi memahami fenomena ini dengan lebih mendalam, kajian ini menggunakan satu kerangka konseptual yang berasaskan tiga konsep utama iaitu *spiritual resilience*, *spiritual empowerment* dan makna hidup. Ketiga-tiga konsep ini saling berkait dalam menjelaskan bagaimana amalan membaca al-Quran membentuk kekuatan rohani, kesejahteraan psikologi dan makna diri dalam komuniti OKU penglihatan.

*Spiritual resilience* merujuk kepada keupayaan individu mengekalkan kestabilan emosi dan kekuatan rohani ketika berhadapan dengan cabaran (Pargament, 2011). Dalam konteks kajian ini, ia tergambar melalui keupayaan OKU penglihatan mengekalkan amalan membaca al-Quran walaupun menghadapi keterbatasan penglihatan dan kekurangan akses kepada bahan Braille.

*Spiritual empowerment* pula menekankan proses pemerksaan diri melalui penghayatan nilai agama dan refleksi sendiri. Billah et al. (2025) menjelaskan bahawa pemerksaan spiritual berlaku apabila individu membina hubungan bermakna dengan ajaran agama. Dalam konteks ini, pembacaan al-Quran bukan sahaja berfungsi sebagai ibadah, tetapi juga sebagai medium pengukuhan identiti dan kesejahteraan psikologi. Pandangan ini selari dengan Genç (2025) yang mengaitkan pemerksaan spiritual dengan pembinaan ketahanan rohani.

Konsep makna hidup berasaskan teori Logoterapi oleh Frankl (2006) yang menegaskan bahawa pencarian makna merupakan asas ketahanan diri manusia. Schnell dan Becker (2006) turut menekankan bahawa makna hidup terbentuk melalui nilai spiritual dan tujuan eksistensial. Dalam kajian ini, al-Quran berfungsi sebagai sumber makna yang memberi arah hidup, ketenangan emosi dan tujuan spiritual kepada OKU penglihatan.

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga konsep ini saling melengkapi dalam menerangkan bagaimana amalan membaca al-Quran berperanan sebagai sumber kekuatan rohani, pemerksaan diri dan pembinaan makna hidup.

### 4. PERMASALAHAN KAJIAN

Isu penguasaan al-Quran dalam komuniti OKU penglihatan masih menjadi cabaran utama dalam konteks pendidikan Islam di Malaysia. Keterbatasan dalam penguasaan mushaf Braille menyebabkan sebahagian besar individu tidak dapat mengakses teks al-Quran secara langsung, sebaliknya bergantung kepada kaedah alternatif seperti hafalan dan rakaman audio. Walaupun kebergantungan ini mampu menyokong kesinambungan amalan ibadah, namun ia menimbulkan kekangan terhadap keupayaan pembacaan secara mandiri serta menghadkan interaksi menyeluruh dengan struktur dan kandungan al-Quran.

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa kelemahan dalam bacaan al-Quran bukan sekadar berpunca daripada kekurangan kemahiran teknikal tetapi juga kerana sokongan pendidikan yang tidak menyeluruh. Hajarul et al. (2012) melaporkan bahawa pelajar OKU penglihatan menghadapi kesukaran dalam hukum tajwid, manakala Noornajihan dan Nur Atiqah (2018) mendapati kecenderungan mengulang bacaan surah pendek berpunca daripada ketiadaan sistem latihan yang berstruktur. Walaupun inovasi pengajaran Braille seperti kaedah pengenalan huruf A–Z (Roslaili et al., 2025) telah diperkenalkan, namun keberkesanannya bergantung pada keupayaan institusi menyediakan latihan dan bimbingan yang berterusan.

Kajian terkini oleh Azmi et al. (2024) memperincikan bahawa antara cabaran utama dalam memperkukuh pengajian al-Quran Braille ialah kekurangan guru terlatih, infrastruktur pembelajaran yang terhad, serta kurangnya kesedaran masyarakat terhadap pentingnya literasi Braille dalam pendidikan Islam. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengajaran Braille memerlukan pendekatan lebih menyeluruh melalui kerjasama pelbagai institusi dan penggunaan teknologi digital. Dalam hal ini, pandangan Moktar dan Sharif (2021) turut relevan kerana mereka menegaskan bahawa pentingnya mengekalkan kaedah talaqqi musyafahah yang sah yang digabungkan dengan penggunaan media digital sebagai jambatan antara tradisi dan inovasi.

Oleh itu, wujud jurang penyelidikan yang signifikan dalam memahami pengalaman sebenar membaca al-Quran dalam komuniti OKU penglihatan. Kebanyakan kajian terdahulu menumpukan aspek pedagogi dan teknologi, sedangkan dimensi pengalaman harian seperti pilihan kaedah, susunan surah, kekerapan, dan waktu bacaan belum diteroka secara mendalam. Penelitian terhadap aspek ini penting untuk menilai strategi *resilience* dan motivasi spiritual golongan ini dalam mengekalkan interaksi dengan al-Quran meskipun berdepan keterbatasan deria dan sumber.

## 5. OBJEKTIF

Berdasarkan permasalahan dan jurang penyelidikan yang telah dibincangkan, kajian ini dijalankan untuk:

- i. Meneliti kaedah bacaan al-Quran yang diamalkan oleh OKU penglihatan.
- ii. Mengenal pasti corak susunan surah yang dibaca serta faktor yang mempengaruhi pemilihan surah tersebut.
- iii. Mengkaji kekerapan bacaan al-Quran dalam kehidupan seharian dan bagaimana ia berkait dengan rutin rohani responden.
- iv. Menganalisis waktu pilihan membaca al-Quran dalam komuniti OKU penglihatan dengan mengambil kira faktor konteks sosial dan spiritual.
- v. Menilai pengalaman harian serta strategi yang digunakan oleh OKU penglihatan untuk mengekalkan amalan bacaan al-Quran.

## 6. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif deskriptif kerana pendekatan ini paling sesuai untuk meneroka pengalaman seharian dan amalan rohani dalam konteks kehidupan sebenar komuniti OKU penglihatan. Pendekatan ini membolehkan pengkaji memahami bukan sahaja *bagaimana* al-Quran dibaca, tetapi juga *mengapa* dan *apa makna* amalan tersebut dalam kehidupan spiritual dan psikososial mereka. Menurut Creswell dan Poth (2018), reka bentuk kualitatif deskriptif amat sesuai bagi penyelidikan yang berhasrat memahami makna subjektif dan interpretasi individu terhadap fenomena rohani dan sosial yang mereka alami. Dalam konteks ini, pengalaman membaca al-Quran oleh OKU penglihatan difahami sebagai proses yang mencerminkan kekuatan rohani, strategi adaptif, dan pembinaan makna diri dalam menghadapi keterbatasan fizikal.

Metodologi ini juga berasaskan pandangan Li dan Seale (2007) bahawa penyelidikan kualitatif membolehkan penyelidik membina pemahaman interpretatif melalui proses reflektif dan mendalam terhadap data yang diperoleh secara langsung daripada peserta. Justeru, reka bentuk ini bukan sahaja memfokuskan kepada pelaporan deskriptif tetapi juga analisis interpretatif yang mendasari amalan spiritual sebagai satu bentuk *living religious experience*.

Kajian dijalankan di Rumah Bakti Kulim, sebuah institusi kebajikan yang menempatkan individu dewasa berstatus OKU penglihatan. Seramai lima orang responden dipilih melalui kaedah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Kaedah ini digunakan bagi memastikan peserta memenuhi beberapa kriteria utama iaitu (i) berdaftar sebagai penghuni tetap, (ii) beragama Islam,

(iii) mempunyai pengalaman membaca al-Quran sama ada melalui hafalan, mushaf Braille, atau teknologi bantu, serta (iv) bersedia ditemu bual secara sukarela.

Pendekatan ini membolehkan penyelidik menelusuri pengalaman yang autentik dan berasaskan konteks sebenar kehidupan rohani mereka. Profil asas responden seperti umur, latar pendidikan agama, dan pengalaman dengan al-Quran Braille direkodkan untuk memberikan konteks semasa analisis. Walaupun jumlah responden kecil, namun data yang diperoleh bersifat mendalam dan reflektif, sejajar dengan sifat *information-rich cases* yang disarankan oleh Creswell dan Poth (2018) bagi penyelidikan kualitatif berskala kecil. Walaupun hanya melibatkan lima responden, pengumpulan data dihentikan apabila mencapai tahap ketepuan data (*data saturation*) iaitu apabila tiada tema baharu muncul daripada temu bual yang dijalankan (Creswell & Poth, 2018).

Temu bual separa berstruktur digunakan sebagai instrumen utama kerana ia memberi keseimbangan antara keanjalan dan kawalan terhadap fokus kajian. Panduan temu bual dibina berdasarkan objektif kajian dan merangkumi lima aspek utama: kaedah bacaan, susunan surah, kekerapan, waktu pilihan, serta pengalaman dan strategi ketahanan diri. Soalan-soalan dirangka untuk menggali naratif pengalaman secara reflektif dan memberi ruang kepada responden menjelaskan makna peribadi terhadap amalan membaca al-Quran.

Sebelum kajian dijalankan, panduan temu bual disemak oleh dua pakar dalam bidang pengajian Islam dan penyelidikan kualitatif bagi memastikan kesahan kandungan (*content validity*). Semua temu bual dijalankan secara bersemuka, berlangsung selama 15 hingga 30 minit bagi setiap responden dan dirakam dengan kebenaran mereka. Transkrip penuh disediakan bagi memastikan ketepatan maksud dan nuansa makna (Braun & Clarke, 2006).

Data dianalisis menggunakan analisis tematik sebagaimana digariskan oleh Braun dan Clarke (2006). Proses ini merangkumi enam fasa utama: (i) pembacaan dan pemahaman keseluruhan data, (ii) pengekodan awal terhadap maklumat penting, (iii) pengelompokan kod kepada subtema, (iv) pembentukan tema utama, (v) semakan semula tema agar sejajar dengan teori, dan (vi) pentafsiran makna dalam konteks kerangka konseptual kajian. Analisis data dilakukan secara manual tanpa penggunaan perisian bagi membolehkan penyelidik terlibat secara langsung dalam proses pengekodan dan interpretasi data secara reflektif.

Kaedah ini membolehkan penyelidik menggabungkan pendekatan induktif (daripada data lapangan) dan deduktif (berpandukan teori) bagi menghasilkan kefahaman holistik terhadap pengalaman spiritual responden. Proses analisis turut mengambil kira hubungan antara tema empirikal dan konsep spiritual *resilience*, *empowerment*, serta makna hidup sebagaimana diterangkan oleh Billah et al. (2025) dan Frankl (2006).

Kebolehpercayaan (*trustworthiness*) dapat diperkukuh melalui semakan peserta (*member checking*) dan semakan pakar (*expert review*). Langkah ini memastikan interpretasi penyelidik benar-benar mewakili pengalaman responden serta bebas daripada bias penyelidik.

Sebelum pengumpulan data, kebenaran rasmi diperoleh daripada pihak pengurusan Rumah Bakti Kulim. Semua responden diberi taklimat mengenai objektif kajian, hak kerahsiaan data, dan kebebasan untuk menarik diri pada bila-bila masa tanpa sebarang implikasi. Bagi menjaga kerahsiaan, identiti responden digantikan dengan kod (R1–R5) sepanjang proses analisis dan pelaporan.

## 7. DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini diperoleh melalui temu bual separa berstruktur dengan lima orang responden OKU penglihatan yang merupakan penghuni Rumah Bakti Kulim. Dapatan dianalisis secara tematik berdasarkan objektif kajian yang merangkumi lima aspek utama iaitu kaedah bacaan al-Quran,

pilihan surah bacaan, kekerapan bacaan, waktu pilihan membaca, serta pengalaman harian dan sokongan dalam mengekalkan amalan tersebut. Jadual 1 menunjukkan ringkasan dapatan kajian yang diperolehi daripada temu bual separa berstruktur dengan responden.

**Jadual 1:** Ringkasan dapatan kajian

Tema	Subtema	Frekuensi (n=5)	Peratus
Kaedah bacaan	Hafalan sahaja	2	40%
	Hafalan + Braille	2	40%
	Audio (MP3)	1	20%
Pemilihan surah	Surah lazim (Yasin, al-Mulk, al-Sajdah)	5	100%
Kekerapan bacaan	2 kali sehari	5	100%
Waktu bacaan	Subuh & Maghrib	5	100%
Sokongan	Institusi	5	100%
	Rakan sebaya	3	60%
	Keluarga	0	0%

### 7.1. Kaedah Bacaan al-Quran

Dapatan kajian menunjukkan bahawa hafalan merupakan kaedah asas yang digunakan oleh semua responden (100%) sama ada secara tunggal atau digabungkan dengan kaedah lain. Secara khusus, dua responden (40%) bergantung sepenuhnya kepada hafalan, manakala dua responden (40%) menggabungkan hafalan dengan penggunaan Braille, dan seorang responden (20%) menggunakan gabungan hafalan dan audio. Corak ini menunjukkan bahawa hafalan menjadi teras utama dalam amalan bacaan al-Quran dalam kalangan responden.

Bagi responden yang hanya menggunakan hafalan (40%), keterbatasan dalam penguasaan Braille menjadi faktor utama. R1 menjelaskan: *“Saya tak boleh baca Braille, hanya hafal surah-surah tertentu sahaja.”*

Bagi responden yang menggabungkan hafalan dan Braille (40%), penggunaan Braille didapati bersifat terhad dan situasional iaitu hanya digunakan bagi surah yang belum dihafal. Perkara ini dijelaskan oleh R2: *“Bagi surah-surah yang saya tak hafal, barulah saya guna Braille. Tapi saya tak mahir sangat Braille pun, sikit-sikit je. Surah-surah lain macam surah lazim, Yasin dan al-Mulk tu saya dah hafal, jadi tak guna Braille pun.”*

Keadaan ini menunjukkan bahawa walaupun Braille tersedia sebagai medium bacaan, tetapi kerana tahap penguasaan yang terhad menyebabkan penggunaannya tidak konsisten dan lebih berfungsi sebagai pelengkap kepada hafalan berbanding kaedah utama. Dalam konteks ini, hafalan kekal sebagai strategi dominan, manakala Braille digunakan sebagai sokongan apabila diperlukan.

Selain itu, seorang responden (20%) menggunakan rakaman audio (MP3) untuk mendengar dan mengikuti bacaan al-Quran. R3 menyatakan: *“Saya baca Quran guna MP3 yang saya ada je.”* Penggunaan audio ini mencerminkan satu lagi bentuk adaptasi dalam mengekalkan amalan bacaan al-Quran.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa pemilihan kaedah bacaan dipengaruhi oleh tahap penguasaan Braille, akses kepada teknologi bantu, serta kebiasaan ibadah

harian. Pola dapatan menunjukkan bahawa walaupun terdapat kepelbagaian kaedah yang digunakan, namun kaedah hafalan kekal mendominasi sebagai strategi utama dalam memastikan kesinambungan amalan membaca al-Quran dalam kalangan responden.

## 7.2. Pemilihan Surah Bacaan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua responden (100%, n=5) membaca surah-surah tertentu seperti al-Mulk, Yasin, al-Sajdah dan surah-surah lazim, serta tidak mengikut tertib mushaf secara keseluruhan.

Justifikasi yang dikemukakan oleh responden menunjukkan bahawa pemilihan surah ini berkait dengan faktor hafalan dan kebiasaan amalan harian. Surah-surah tersebut dipilih kerana lebih mudah diingati serta sering digunakan dalam aktiviti keagamaan seperti bacaan Yasin dan majlis tertentu.

Selain itu, dapatan juga menunjukkan bahawa tiada responden yang melaporkan pembacaan secara menyeluruh mengikut susunan mushaf, sebaliknya bacaan tertumpu kepada surah-surah tertentu yang telah biasa diamalkan. Corak ini memperlihatkan kecenderungan pemilihan surah yang bersifat terpilih dalam kalangan responden.

## 7.3. Kekerapan Bacaan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua responden (100%, n=5) membaca al-Quran sebanyak dua kali sehari. Kekerapan bacaan ini adalah konsisten dalam kalangan responden dan menjadi sebahagian daripada rutin harian mereka.

Majoriti responden menyatakan bahawa bacaan dilakukan selepas solat Subuh dan Maghrib. R1 menyebut: *“Biasanya lepas Subuh dengan Maghrib, masa tu tenang sikit.”* R3 pula menjelaskan: *“Kalau waktu lain sibuk... kerja. Jadi baca masa tu ja.”*

Dapatan ini menunjukkan bahawa kekerapan bacaan al-Quran dalam kalangan responden tertumpu kepada dua waktu utama dalam sehari dan diamalkan secara berterusan sebagai rutin harian.

## 7.4. Waktu Pilihan Membaca

Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua responden (100%, n=5) memilih waktu selepas solat Subuh dan Maghrib sebagai waktu utama membaca al-Quran.

Pemilihan waktu ini dipengaruhi oleh beberapa faktor yang dinyatakan oleh responden, antaranya masa lapang, suasana yang tenang, serta kesesuaian dengan jadual harian. R2 menjelaskan: *“Itu je waktu lapang. Masa lain keluar pergi kerja,”* manakala R5 menyebut: *“Itu sahaja waktu lapang yang ada... sebab ada ikut majlis yang diadakan.”*

Selain itu, sebahagian responden turut mengaitkan waktu tersebut dengan aktiviti keagamaan seperti majlis bacaan Yasin yang dijalankan secara berkala. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa pemilihan waktu membaca al-Quran adalah tertumpu kepada waktu tertentu yang sesuai dengan rutin harian dan komitmen responden.

## 7.5. Pengalaman Harian dan Sokongan dalam Amalan Bacaan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua responden (100%, n=5) mengekalkan amalan membaca al-Quran atas dorongan sendiri tanpa tekanan daripada pihak luar.

Dari segi sokongan, semua responden (100%) melaporkan menerima sokongan institusi melalui pihak pengurusan Rumah Bakti Kulim yang menganjurkan aktiviti keagamaan seperti majlis bacaan Yasin dan tahlil secara berkala. Selain itu, tiga responden (60%) menyatakan wujudnya sokongan rakan sebaya dalam bentuk ajakan dan penyertaan bersama dalam aktiviti bacaan. R3 menyatakan: “*Depa ajak baca Quran sama-sama*”.

Manakala R1 dan R2 turut menjelaskan bahawa pihak pengurusan menyediakan aktiviti bacaan Yasin setiap minggu yang menjadi salah satu dorongan untuk mereka terus membaca al-Quran. Sebaliknya, tiada responden (0%) melaporkan menerima sokongan daripada ahli keluarga dalam mengekalkan amalan bacaan al-Quran.

Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa amalan membaca al-Quran dalam kalangan responden disokong oleh dorongan sendiri serta persekitaran institusi dan rakan sebaya yang menyediakan ruang dan peluang untuk melaksanakan aktiviti keagamaan secara bersama.

## 8. PERBINCANGAN

Perbincangan ini menghuraikan dapatan kajian dengan mengaitkannya kepada kajian lepas serta kerangka konseptual yang berkaitan. Fokus diberikan kepada bagaimana OKU penglihatan menyesuaikan amalan bacaan al-Quran dalam konteks keterbatasan yang dihadapi.

### 8.1 Kaedah Bacaan al-Quran dalam Komuniti OKU Penglihatan

Dapatan menunjukkan bahawa hafalan merupakan kaedah dominan dalam kalangan responden (100%; 40% secara tunggal), manakala penggunaan Braille masih terhad (40%) dan bersifat pelengkap, serta penggunaan audio melibatkan sebahagian kecil responden (20%). Corak ini selari dengan kajian Hajarul et al. (2012) dan Noornajihan dan Nur Atiqah (2018) yang menunjukkan bahawa pelajar OKU penglihatan menghadapi kekangan dalam penguasaan bacaan formal khususnya dari aspek tajwid dan keluasan surah.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini mencadangkan bahawa keterbatasan tersebut tidak semestinya menghalang amalan bacaan, sebaliknya mendorong penggunaan kaedah alternatif seperti hafalan dan audio sebagai strategi utama. Corak ini menunjukkan bahawa pemilihan kaedah bacaan dipengaruhi oleh dua faktor utama iaitu kekangan teknikal (tahap penguasaan Braille) dan akses kepada sumber bantu seperti rakaman audio.

Dalam kerangka konseptual, situasi ini boleh ditafsirkan sebagai manifestasi *spiritual resilience* iaitu keupayaan individu menyesuaikan amalan ibadah dalam keadaan keterbatasan (Pargament, 2011). Dalam konteks ini, hafalan bukan sekadar pilihan praktikal tetapi juga boleh dilihat sebagai salah satu mekanisme untuk mengekalkan kesinambungan hubungan dengan al-Quran.

Selain itu, dapatan ini turut menyokong kajian Ali et al. (2021) serta Khan dan Alam (2019) yang menekankan peranan teknologi dalam meningkatkan akses pembelajaran al-Quran. Namun demikian, kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan media asas seperti audio juga memainkan peranan yang signifikan. Hal ini mencadangkan bahawa *spiritual empowerment* dalam konteks ini

lebih berkait dengan keupayaan individu memanfaatkan sumber yang tersedia berbanding kebergantungan kepada teknologi yang kompleks.

## 8.2 Pemilihan Surah dan Corak Bacaan

Dapatan menunjukkan bahawa pemilihan surah secara selektif diamalkan oleh semua responden (100%) dengan tumpuan kepada surah lazim seperti *Yasin*, *al-Mulk* dan *al-Sajdah*. Corak ini selari dengan kajian Noornajihan dan Nur Atiqah (2018) yang menunjukkan kecenderungan kepada surah hafalan dalam kalangan pelajar OKU penglihatan.

Kebergantungan kepada surah tertentu ini menunjukkan bahawa interaksi dengan al-Quran berlaku dalam bentuk yang lebih berfokus dan berulang berbanding eksplorasi teks secara menyeluruh. Analisis lanjut menunjukkan bahawa pemilihan surah dipengaruhi oleh dua faktor utama iaitu tahap hafalan individu dan konteks amalan komuniti seperti bacaan *Yasin* secara berjemaah.

Dalam hal ini, pemilihan surah bukan sahaja bersifat teknikal tetapi juga berkait dengan fungsi sosial dan keagamaan dalam kehidupan harian responden. Corak ini menunjukkan bahawa interaksi dengan al-Quran berlaku dalam konteks yang mempunyai makna sosial tertentu khususnya melalui penglibatan dalam aktiviti komuniti.

Dari perspektif kerangka konseptual, keadaan ini boleh dikaitkan dengan pembinaan makna hidup (*meaning in life*) di mana amalan membaca surah tertentu menjadi sebahagian daripada rutin yang memberi struktur dan nilai kepada kehidupan harian (Frankl, 2006). Walaupun tidak melibatkan pembacaan menyeluruh, namun amalan ini tetap berfungsi sebagai medium untuk mengekalkan hubungan individu dengan al-Quran secara konsisten.

## 8.3 Kekerapan dan Waktu Bacaan

Dapatan menunjukkan bahawa semua responden (100%) membaca al-Quran dua kali sehari khususnya selepas solat Subuh dan Maghrib. Corak ini menunjukkan bahawa amalan bacaan telah diintegrasikan dalam rutin harian responden sebagai amalan tetap walaupun dalam keterbatasan masa dan sumber.

Analisis lanjut mencadangkan bahawa konsistensi ini dipengaruhi oleh dua faktor utama iaitu struktur rutin harian dan ketersediaan masa yang terhad. Pemilihan waktu selepas Subuh dan Maghrib menunjukkan kecenderungan responden untuk menyesuaikan amalan bacaan dengan waktu yang lebih tenang dan fleksibel dalam jadual harian mereka. Penemuan ini selari dengan kajian Rohana et al. (2018) yang menunjukkan bahawa bacaan al-Quran pada waktu pagi berkait dengan kesejahteraan emosi. Dalam kajian ini, corak yang konsisten tersebut menunjukkan kecenderungan responden untuk mengekalkan amalan rohani secara berterusan walaupun berhadapan dengan kekangan tertentu.

Dalam kerangka konseptual, keadaan ini boleh dikaitkan dengan *spiritual empowerment* iaitu keupayaan individu mengawal dan mengekalkan amalan rohani secara sendiri. Konsistensi amalan ini menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap autonomi tertentu dalam mengurus rutin ibadah mereka meskipun dalam keadaan keterbatasan.

## 8.4 Pengalaman Harian dan Strategi Ketahanan (*Resilience*)

Dapatan menunjukkan bahawa semua responden (100%) mengekalkan amalan membaca al-Quran atas dorongan sendiri, dengan sokongan institusi (100%) dan rakan sebaya (60%), manakala

sokongan keluarga tidak dilaporkan (0%). Corak ini menunjukkan bahawa persekitaran sosial tertentu memainkan peranan dalam menyokong amalan bacaan.

Analisis lanjut menunjukkan bahawa ketahanan rohani ini boleh difahami melalui tiga faktor utama iaitu motivasi sendiri, sokongan sosial dan bimbingan institusi. Motivasi sendiri merujuk kepada dorongan dalaman responden untuk terus membaca al-Quran tanpa paksaan luar, manakala interaksi bersama rakan sebaya melalui aktiviti berkumpul dilihat membantu mengekalkan amalan tersebut. Selain itu, peranan institusi seperti Rumah Bakti Kulim dalam menyediakan program keagamaan secara berkala turut menyumbang kepada persekitaran yang menyokong. Dalam konteks ini, gabungan antara dorongan dalaman dan sokongan sosial boleh difahami sebagai faktor yang menyumbang kepada kelangsungan amalan tersebut. Hal ini selari dengan pandangan Pargament (2011) yang menekankan kepentingan sokongan sosial dalam amalan keagamaan.

Selain itu, motivasi sendiri untuk terus berinteraksi dengan al-Quran tanpa tekanan luaran boleh dikaitkan dengan pembinaan makna hidup (*meaning in life*). Seperti yang dihuraikan oleh Frankl (2006), individu berupaya membina makna melalui hubungan dengan nilai yang lebih tinggi. Dalam kajian ini, al-Quran berfungsi sebagai salah satu sumber yang memberi arah dan ketenangan kepada responden. Walaupun tahap literasi Braille dalam kalangan responden adalah terhad, penggunaan pelbagai kaedah seperti hafalan, audio dan penglibatan dalam aktiviti komuniti menunjukkan bentuk penyesuaian dalam mengekalkan amalan bacaan. Corak ini boleh dilihat sebagai sebahagian daripada ciri *spiritual resilience* seperti yang turut dibincangkan oleh Roslaili et al. (2025).

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini mencadangkan bahawa amalan membaca al-Quran dalam komuniti OKU penglihatan berkait dengan interaksi antara penyesuaian terhadap kekangan, konsistensi amalan, dan sokongan sosial. Dalam hal ini, bacaan berasaskan hafalan boleh dilihat bukan sekadar sebagai keterbatasan tetapi juga sebagai salah satu bentuk strategi yang membantu mengekalkan hubungan dengan al-Quran dalam konteks kehidupan harian mereka.

## 9. RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa amalan membaca al-Quran dalam kalangan OKU penglihatan tidak terhenti akibat keterbatasan fizikal, sebaliknya disesuaikan melalui pelbagai strategi adaptif. Dapatan memperlihatkan bahawa hafalan menjadi kaedah dominan (100%), disokong oleh penggunaan Braille secara terhad (40%) dan audio (20%), manakala pemilihan surah adalah bersifat selektif (100%) serta diamalkan secara konsisten dua kali sehari (100%), khususnya selepas Subuh dan Maghrib. Dalam konteks sosial, kesinambungan amalan ini turut disokong oleh institusi (100%) dan rakan sebaya (60%), walaupun sokongan keluarga tidak dilaporkan.

Berdasarkan dapatan ini, kajian mencadangkan bahawa pengalaman membaca al-Quran dalam kalangan OKU penglihatan terbentuk melalui interaksi tiga dimensi utama iaitu penyesuaian terhadap kekangan (adaptasi kaedah), konsistensi amalan (rutin bacaan), dan sokongan sosial (institusi dan komuniti). Interaksi ini selari dengan kerangka konseptual kajian yang berasaskan *spiritual resilience*, *spiritual empowerment* dan makna hidup di mana responden menunjukkan keupayaan mengekalkan amalan rohani, mengurus rutin ibadah secara sendiri, serta membina makna melalui hubungan berterusan dengan al-Quran.

Kajian ini memperluas literatur sedia ada yang sebelum ini lebih tertumpu kepada aspek pedagogi dan teknologi dengan menonjolkan dimensi pengalaman harian, strategi adaptif dan makna spiritual dalam amalan membaca al-Quran. Secara khusus, kajian ini menyumbang kepada:

1. **Sumbangan empirikal** – menyediakan bukti kontekstual tentang pola sebenar amalan bacaan (kaedah, kekerapan, waktu dan sokongan sosial) dalam komuniti OKU penglihatan di Malaysia.
2. **Sumbangan konseptual** – mengintegrasikan tiga konsep utama (*spiritual resilience*, *spiritual empowerment* dan makna hidup) dalam memahami amalan ibadah sebagai satu proses ritual yang dinamik.
3. **Sumbangan praktikal** – menunjukkan bahawa strategi seperti hafalan dan penggunaan audio adalah sebahagian daripada mekanisme yang menyokong kesinambungan amalan rohani.

Implikasi kajian ini adalah usaha memperkasakan pendidikan al-Quran bagi OKU penglihatan perlu melangkaui pendekatan teknikal semata-mata. Pertama, pembangunan program perlu mengambil kira kepelbagaian kaedah pembelajaran termasuk hafalan, audio dan Braille secara bersepadu. Kedua, peranan institusi dan komuniti perlu diperkukuh kerana dapatan menunjukkan sokongan sosial menjadi faktor penting dalam mengekalkan amalan. Ketiga, pendekatan pendidikan bukan sekadar penguasaan kemahiran bacaan tetapi perlu memberi perhatian kepada dimensi spiritual dan makna hidup

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa bacaan al-Quran dalam kalangan OKU penglihatan merupakan satu amalan yang bersifat adaptif dan berterusan yang dibentuk melalui gabungan faktor individu dan sosial. Dalam konteks ini, hafalan dan strategi alternatif bukan sekadar menggantikan kekangan teknikal tetapi berfungsi sebagai sebahagian daripada usaha mengekalkan hubungan dengan al-Quran dalam kehidupan harian

## 10. PENGHARGAAN

Pengkaji ingin mengucapkan jutaan terima dan sekalung penghargaan kepada pengurusan Rumah Bakti Kulim dan para penghuninya kerana memberi ruang dan peluang kepada pengkaji bagi menjalankan kajian ini.

## RUJUKAN

- Al-Fadhli, S. (2020). Blending traditional and digital methods in Qur'an learning for the blind. *Journal of Islamic Studies*, 29(3), 289–305.
- Ali, M., Rahman, S., & Yusof, N. (2021). Assistive technology in Qur'an learning for visually impaired Muslims. *Journal of Islamic Education*, 12(2), 45–58.
- Al-Nawawi, Y. (2003). *Al-Tibyan fi adab hamalat al-Qur'an*. Dar al-Salam.
- Azmi, M. H. A. M., Ahmad, A. D., Ahmad, M. R., & Fuad, A. H. F. A. (2024). Cabaran dan strategi dalam memperkasakan pengajian al-Quran Braille dalam komuniti orang kurang upaya (OKU) penglihatan [Challenges and strategies in empowering Braille al-Quran education among visually impaired individuals]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 7(4), 267–277.
- Billah, M., Kemala, R., & Larhizer, F. (2025). Empowerment and well-being of persons with disabilities: Islamic teachings on inclusive livelihood in the Qur'an. *Indonesian Journal of Disability Studies*, 12(1), 153–170. <https://doi.org/10.21776/ub.ijds.2025.12.1.10>

- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology, 3*(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Frankl, V. E. (2006). *Man's search for meaning*. Beacon Press.
- Genç, E. (2025). Exploring family resilience in parents caring for children with special needs. *Journal of Happiness and Health, 5*(2), 92–101.
- Hajarul Bahti Zakaria, Mohd Huzairi Awang @ Husain, & Abdul Halim Tamuri. (2012, June). Penguasaan bacaan hukum nun sakinah dalam tilawah al-Quran pelajar bermasalah penglihatan di Malaysia. In *International Conference on Research in Islamic and Arabic Language Education*. Mecca, Saudi Arabia.
- Khan, A., & Alam, R. (2019). Technology adoption in Qur'anic education for blind students in Pakistan. *International Journal of Special Education, 34*(2), 120–132.
- Li, S., & Seale, C. (2007). Learning to do qualitative data analysis: An observational study of doctoral work. *Qualitative Health Research, 17*(10), 1442–1452. <https://doi.org/10.1177/1049732307306924>
- Moktar, M. S., & Sharif, M. F. B. (2021). Kaedah talaqqī musyafahah dalam tilawah al-Quran: Method of talaqqī musyafahah in reciting al-Quran. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, 32*(1).
- Mustaffa, A. (2010). Pengajian al-Quran dalam komuniti warga cacat penglihatan di Malaysia. *Al-Bayan: Jurnal al-Quran & al-Hadith, 8*, 21–34.
- Noornajihan, J., & Nur Atiqah, A. A. (2018). Faktor penguasaan pembelajaran al-Quran orang kelainan upaya masalah penglihatan: Kajian di SK Pendidikan Khas Alma, Pulau Pinang. *Tinta Artikulasi Membina Ummah, 4*(2), 12–23.
- Rohana Zakaria, Fatin Nazmin Mansor, & Khairul Anuar Mohamad. (2018). Tadabbur al-Quran: Implikasinya dalam meningkatkan spiritual pembaca al-Quran. *Jurnal Qiraat, 1*(1), 57–71.
- Roshaida, Y. (2003). *Al-Quran Braille: Kaedah penerbitan dan sumbangannya kepada golongan cacat penglihatan: Kajian di PERTIS* [Tesis sarjana tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Roslaili, Y., Munandar, A., Mukdin, K., Suparwany, S., & Rahmi, M. (2025). Accessibility and effectiveness of Qur'anic Braille instruction for visually impaired students: A case study at BUKESRA, Banda Aceh. *Jurnal Ilmiah Al-Mu'ashirah: Media Kajian Al-Qur'an dan Al-Hadits Multi Perspektif, 22*(1), 1–13.

- Sakib, S., Sadi, M. S., Arefin, M. S., Islam, M. R., & Neha, H. (2024, December). An assistive device for the visually impaired for enhanced navigation and reading. *In 2024 13th International Conference on Electrical and Computer Engineering (ICECE)* (pp. 767–772). IEEE.
- Schnell, T., & Becker, P. (2006). Personality and meaning in life. *Personality and Individual Differences*, 41(1), 117–129. <https://doi.org/10.1016/j.paid.2005.11.030>
- Walijah, A. J. (2010). *Penghayatan ibadah dalam komuniti pelajar Islam: Kajian di beberapa buah sekolah menengah kebangsaan di Petaling Jaya, Selangor* [Tesis sarjana tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Zulazizi, M., Nor, M. A., Omar, M. R., & Muhamad, N. (2021). Pembacaan al-Quran dalam pendidikan masa kini: Satu tinjauan umum. *Jurnal al-Turath*, 6(1), 12–25.

Raihan binti Ahmad (Corresponding author)  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Universiti Islam Selangor  
Bandar Seri Putra  
43700, Kajang, Selangor, MALAYSIA  
Email: [eiregypt1984@gmail.com](mailto:eiregypt1984@gmail.com)

Wan Fakhru Razi bin Wan Mohamad  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Universiti Islam Selangor  
Bandar Seri Putra  
43700, Kajang, Selangor, MALAYSIA  
Email: [wanfakhrulrazi@uis.edu.my](mailto:wanfakhrulrazi@uis.edu.my)

Abu Zaki bin Ismail  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Universiti Islam Selangor  
Bandar Seri Putra  
43700, Kajang, Selangor, MALAYSIA  
Email: [abuzaki@uis.edu.my](mailto:abuzaki@uis.edu.my)